



DK U001-02(S)

# STUDENT AFFAIR

## HAL EHWAL PELAJAR

No. Rujukan: NBUC/HEPP/PEKELILING/0224(02)

Tarikh : 06 FEBRUARI 2024

### **GARIS PANDUAN PENAMPILAN DAN ETIKA PEMAKAIAAN PELAJAR NBUC**

Garis panduan penampilan dan pemakaian pelajar yang ditetapkan oleh North Borneo University College adalah seperti berikut :

1. Selaku bakal para intelek negara, pelajar perlulah sentiasa mengamalkan pemakaian pakaian yang bersih, kemas dan bersopan semasa berada di kampus. (rujuk **PERATURAN ETIKA PEMAKAIAAN NBUC**)
2. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang mendedahkan tubuh badan mereka.
3. Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan amalan pemakaian yang dikuatkuasakan oleh fakulti/bahagian/jabatan terutamanya di makmal, perpustakaan, pejabat pentadbiran, semasa berurusan dengan pegawai universiti dan juga semasa menjalani latihan amali/mengajar dan sebagainya.
4. Etika rambut :
  - Sentiasa kemas dan rapi.
  - Tidak dibenarkan mewarnakan rambut.
  - Pelajar lelaki berambut panjang perlu sentiasa diikat.
5. Pelajar perlu :
  - Sentiasa memakai & mempamerkan kad pelajar/matrik.
  - Tidak mengenakan aksesori yang berlebihan.
  - Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai subang & bertopi di sekitar kampus.
  - Mematuhi peraturan pemakaian yang ditetapkan dalam setiap aktiviti/program yang dijalankan.
6. Penguatkuasaan etika berpakaian akan dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama semua kakitangan/pensyarah. Pelajar yang tidak mengikut etika pemakaian yang telah ditetapkan boleh didenda minimum RM 50.00 bagi setiap kesalahan.

Kerjasama anda semua amatlah dihargai. **Disiplin adalah integriti. Ia tidak datang daripada akal tetapi daripada hati yang bersih.**

**BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP)  
NORTH BORNEO UNIVERSITY COLLEGE**

**STUDENT AFFAIR • HAL EHWAL PELAJAR**

+6 088 218 230  
+6 088 487 248




admin@nbuc.edu.my  
www.nbuc.edu.my



Wisma Angkatan Hebat,  
1 Borneo, Jalan Sulaman  
88400 Kota Kinabalu, Sabah





DK U001-02(S)

# STUDENT AFFAIR

## HAL EHWAL PELAJAR

### PERATURAN ETIKA PEMAKAIAN NBUC

Pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang pelajar universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian, keceriaan dan kesopanan dalam berpakaian.

Pelajar diwajibkan berpakaian sopan seperti memakai baju kemeja (bertali leher), t-shirt berkolar, berkasut, berseluar panjang, dan berskirt panjang di bawah paras lutut.

Pelajar tidak dibenarkan berpakaian yang ketat dan mempamerkan susuk tubuh, mendedahkan tubuh badan, menjolok mata dan memakai penutup muka (berskirt di atas paras lutut atau berseluar pendek, berbaju T tanpa kolar, berbaju tanpa lengan, berseluar/berskirt ketat, berselipar, berpurdah, berseluar jeans lusuh, bertindik bagi lelaki dan aksesori keterlaluan bagi perempuan) di kawasan kampus.

### PANDUAN PEMAKAIAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

LELAKI	PEREMPUAN
<b>FORMAL/RASMI</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• BAJU MELAYU/KEMEJA &amp; BLAZER/BAJU KORPORAT</li><li>• BERTALI LEHER</li><li>• BERSELUAR SLACK</li><li>• BERKASUT, STOKIN (WARNA GELAP)</li></ul>	<b>FORMAL/RASMI</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• BAJU KURUNG/ KEMEJA &amp; BLAZER/BAJU KORPORAT</li><li>• SKIRT (DI BAWAH PARAS LUTUT)</li><li>• BERSELUAR SLACK</li><li>• BERKASUT, STOKIN (WARNA GELAP)</li></ul>
<b>KASUAL</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• T-SHIRT BERKOLAR/KEMEJA</li><li>• SELUAR SLACK</li><li>• BERKASUT</li></ul>	<b>KASUAL</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• T-SHIRT BERKOLAR/BAJU KEBAYA/BLOUSE</li><li>• SELUAR SLACK</li><li>• BERKASUT</li></ul>
<b>PAKAIAN SUKAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• T-SHIRT BERKOLAR, JERSI BERKOLAR</li><li>• SELUAR TRACK</li><li>• BERKASUT SUKAN</li></ul>	<b>PAKAIAN SUKAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• T-SHIRT BERKOLAR, JERSI BERKOLAR</li><li>• SELUAR TRACK</li><li>• BERKASUT SUKAN</li></ul>
<b>TIDAK DIBENARKAN</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• SELUAR JEANS</li><li>• SELIPAR</li><li>• AKSESORI YANG BERLEBIHAN</li></ul>	

\*Pelajar yang melanggar peraturan etika pemakaian boleh dikenakan tindakan disiplin dan tidak akan dilayan semasa berurusan dengan kakitangan/pensyarah.



## TATACARA PEMAKAIAN PELAJAR NBUC



### PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN